



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 12 Tahun 2023

PENAMBAHBAIKAN TAFSIRAN ANGGOTA PARAMEDIK BAGI TUJUAN PEMBERIAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK (BIPB) DAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN YANG DIGUNA PAKAI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai tafsiran anggota paramedik yang diguna pakai di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menambahbaik tafsiran anggota Paramedik di UiTM bagi tujuan pemberian Bayaran Insentif Pos Basik dan mengemaskini Garis Panduan Pelaksanaan Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik UiTM.

LATARBELAKANG

2.1 Lembaga Pengarah Universiti ke-148 pada 22 Oktober 2015 bersetuju untuk menerima pakai Surat Siaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) rujukan JPA.SARAAN(S) 63/111/1-1Jld.3 (9) bertarikh 29 Januari 2015 mengenai Pemanjangan Pembayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik Yang Memiliki Sijil Pos Basik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Dan Hospital Universiti.

2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke -165 tahun 2018 pada 18 September 2018 telah memutuskan untuk mengguna pakai surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2 Tahun 2017, Bayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik Kementerian Kesihatan Malaysia yang memiliki Sijil Pos Basik dan Diploma Lanjutan di dalam bidang yang diluluskan, daripada ILKMM kepada semua anggota paramedik di UiTM.

- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-182 pada 16 November 2021 meluluskan Pembayaran Insentif Pos Basik kepada anggota paramedik Hospital UiTM lulusan selain Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) di UiTM. Tarikh kuat kuasa adalah 16 November 2021.
- 2.5 Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 75 pada 13 April 2023 telah bersetuju menerima pakai cadangan tafsiran anggota paramedik yang diguna pakai di KKM dalam menambahbaik tafsiran anggota Paramedik di UiTM bagi tujuan pemberian Bayaran Insentif Pos Basik dan Garis Panduan Pelaksanaan Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik kepada Anggota Paramedik UiTM serta cadangan tarikh kuatkuasa pada 1 Jun 2023.

PELAKSANAAN

3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pernah mengemukakan surat (bertarikh 7 Februari 2019) kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memaklumkan tafsiran anggota paramedik yang diguna pakai oleh KKM bagi penentuan kelayakan pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik kepada pegawai KKM. JPA melalui surat (Ruj.: JPA.SARAAN(S)63/111/1-1Jld.3(28) bertarikh 28 Februari 2019 mengambil maklum akan tafsiran anggota paramedik bagi tujuan pemberian Bayaran Insentif Pos Basik yang diguna pakai di KKM seperti berikut :

“Senarai skim perkhidmatan dibawah kumpulan paramedik dan auksiliari di KKM adalah selaras dengan penawaran Latihan Separa Perubatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)’

Senarai skim perkhidmatan tersebut adalah seperti Lampiran dalam surat KKM bertarikh 7 Februari 2019 dan UiTM menerima pakai tafsiran anggota paramedik yang diguna pakai di KKM dalam menambahbaik tafsiran anggota Paramedik di UiTM bagi tujuan pemberian Bayaran Insentif Pos Basik seperti dibawah ;

3.1 Tafsiran

Pelaksanaan tafsiran anggota paramedik di UiTM yang layak menerima Bayaran Insentif Pos Basik selain skim perkhidmatan Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan adalah seperti berikut :

Bil	Skim Perkhidmatan
1.	Jurupulih Perubatan Fisioterapi
2	Jurupulih Perubatan Cara Kerja
3.	Jururawat
4.	Juruterapi Pergigian
5.	Juruteknologi Makmal Perubatan
6	Juruteknologi Pergigian
7.	Juru X-Ray
8	Penolong Pegawai Farmasi
9	Pegawai Kesihatan Persekitaran
10.	Penolong Pegawai Perubatan
11.	Pembantu Kesihatan Awam
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian

3.2. Pelaksanaan

i. Syarat Kelayakan

Syarat kelayakan pemberian Bayaran Insentif Pos Basik adalah seperti yang dikemaskini di Garis Panduan Pelaksanaan Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik UiTM (Rujuk Lampiran 1).

TARIKH DIKELUARKAN

4. Pekeliling dikeluarkan pada 12 Mei 2023

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2023**.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan / Fakulti / Akademi / Institut
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 12/2023)